

Ahli perniagaan minta ASP lepaskan 66 rakan

# Cuba rasuah polis wang tunai RM45,000

Oleh KHAIRUL MOHD. ALI

**JOHOR BAHRU** – Seorang ahli perniagaan ditahan kerana diper-  
cayai cuba memberi rasuah wang tunai RM45,000 kepada seorang pegawai polis supaya melepaskan 66 rakannya yang ditahan dalam operasi di sebuah kelab malam di kawasan Ulu Tiram baru-baru ini.

Suspek berusia 47 tahun itu ditangkap di Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Johor pada pukul 10.30 malam kelmarin.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam satu kenyataan semalam berkata, lelaki yang cuba memberi rasuah kepada pegawai polis berpangkat Asisten Superintendant (ASP) itu ditahan reman selama lima hari bermula semalam.

Menurutnya, perintah tahanan reman itu dikeluarkan oleh Pendaftar Mahkamah, Hidayah Abdul Manaf di Mahkamah Majistret di sini.

“Dia ditahan kerana cubaan merasuh seorang pegawai polis, bertujuan melepaskan 66 rakan-nya yang ditahan polis dalam operasi di sebuah kelab malam di kawasan Ulu Tiram, baru-baru ini.

“Suspek juga melakukan perbuatan itu supaya pihak berkuasa tidak melakukan ujian saringan awal air kencing serta mengambil tindakan terhadap rakannya di bawah Perkara 10 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988,” kata kenyataan itu.

Kenyataan itu memberitahu, kes tersebut disiasat di bawah Seksyen 17(b) Akta SPM 2009 dan sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman denda 5 kali nilai suapan atau RM10,000.00, mana yang tinggi serta penjara maksimum 20 tahun.

Sementara itu, Pengarah



**SEORANG ahli perniagaan dibawa ke Mahkamah Majistret Johor Bahru semalam bagi mendapatkan perintah tahanan reman.** – BAZLAN IBRAHIM

SPRM Johor, Datuk Azmi Alias ketika dihubungi mengesahkan tangkapan berkenaan.

Dalam pada itu, Ketua Polis Johor, Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay pada satu sidang akhbar semalam memuji tindakan

pegawai yang bertindak menolak cubaan rasuah sebanyak RM45,000 itu.

Beliau turut menyampaikan Sijil Penghargaan daripada Ketua Polis Negara kepada pegawai berkenaan.